



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Usahawan Emas: Untung atau Rugi?

Wan Noor Hayatie Wan Abdul Aziz¹, Farihana Abdul Razak²

¹ Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia

² Fakulti Undang-Undang, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia

*Email Penulis: wanno124@uitm.edu.my

Strategi Usahawan

Emas amat sinonim dengan wanita dan lambang kekayaan. Ianya merupakan logam berharga dan mempunyai nilainya tersendiri. Perhiasan emas ini telah digunakan dari kurun ke-5 sebelum masehi oleh Tamadun Mesir. Ramai yang memegang kepada prinsip apabila harga emas meningkat, nilai kekayaan menyimpan emas turut meningkat. Namun begitu, sejauh mana kebenaran ini adalah bergantung kepada individu dan pengalaman yang dihadapi olehnya. Menyimpan emas pada zaman kini mempunyai idelogi tersendiri dan alasan menyimpan emas.

Mutakhir

Pelbagai platform akhbar telah melaporkan bahawa peniaga emas mengeluh kerana kekurangan pelanggan yang mahu membeli emas. Sebaliknya, lebih ramai pelanggan yang datang ke kedai emas untuk menjual. Terdapat juga pelanggan yang menukarkan emas lama dengan emas baharu ("*trade in*") kerana keengganan peniaga membeli emas daripada pelanggan. Justeru, sekiranya pelanggan menukar emas lama dengan emas baharu di kedai emas, wang lebih walaupun RM100 amatlah bernilai kepada mereka, yakni pelanggan.

Sesetengah kedai emas mempunyai target sasaran belian dan jualan emas yang keluar masuk dalam sebulan dan selebihnya fokus kebanyakannya adalah sekadar marketing untuk pembeli membeli emas jenamanya sahaja. Namun tidak semua kedai emas begitu, sebagai contoh Public Gold adalah antara syarikat jual beli emas terbesar di Malaysia yang amat mementingkan keperluan pelanggan dengan memberi jaminan belian emas dalam apa jua keadaan setakat ini. Cawangannya yang banyak dan kukuh menjadikan Public Gold mempunyai kemampuan untuk membeli semula emas yang dijual kepada pelanggan.

Ilmu Emas

Membeli dan menjual emas memerlukan ilmu yang betul bagi menjamin pemiliknyanya daripada mengalami kerugian dalam pemilikan emas. Terdapat tiga posisi dalam pemilikan emas samada menyimpan, pelabur atau peniaga emas. Menyimpan emas lebih fokus kepada pertambahan gram emas, pelabur emas pula fokus kepada perkembangan RM di mana mereka membeli emas pada harga rendah dan menjual pada harga tinggi. Peniaga pula adalah gabungan antara menyimpan dan pelabur iaitu fokus kepada pertambahan gram emas serta membuat jual beli emas (Mohd Zulkifli Shafie, 2021).

Antara punca lebih ramai pemilik emas yang ingin



Peniaga sebuah kedai emas di Pasar Siti Khadijah di sini, terpaksa menghadkan pembelian daripada pelanggan.

Lebih ramai jual emas berbanding beli

(Dian, MUHAMMAD ANMAN CHAFFA, 30 Disember 2022, 8:41 am)



KOTA BHARU – Peniaga sebuah kedai emas di Pasar Siti Khadijah di sini, terpaksa menghadkan pembelian daripada pelanggan yang ingin menjual emas di premisnya sejak sebulan lalu.

Pemilik Mah Kampong Kito, Farisha Najwa Rosli, 27, berkata, dia terpaksa

Rajah 1 Keluhan Peniaga Emas

Sumber: <https://www.kosmo.com.my/2022/12/10/lebih-ramai-jual-emas-berbanding-beli/>

Akhbar Kosmo Digital

menjual berbanding membeli emas adalah kerana kurangnya ilmu dalam pemilikan logam mulia tersebut. Tidak kurang juga yang tidak mempunyai matlamat yang jelas tentang penyimpanan emas, membeli sekadar untuk berhias, suka-suka, mengikut trend semasa dan tiada bimbingan yang betul daripada pakar bidang. Asas dalam menyimpan emas adalah mempunyai matlamat yang jelas antaranya adalah menyimpan emas bagi tujuan dana persaraan, dana pendidikan anak, dana haji, dana perkahwinan, dana cemas, dana deposit rumah, dana perlindungan kekayaan dan lain-lain (Marlia Ramli, 2022). Apabila tujuan penyimpanan emas ini jelas, pemilik emas akan mendapat keuntungan maksimum daripada simpanan emas tersebut.

Bagi penyimpan emas berilmu, mereka tidak akan menjual emas milikan mereka selagi matlamat simpanan emas belum tercapai. Rahsia sebenar kekayaan penyimpan emas adalah apabila gram semakin bertambah dan konsisten menabung dalam apa jua keadaan walaupun harga emas turun atau naik asalkan gram emas bertambah kerana ketika harga emas rendah ianya adalah peluang untuk mendapatkan barang eksklusif pada harga rendah manakala ketika harga emas naik penyimpan mula menikmati keuntungan daripada kenaikan harga emas itu sendiri.

Waktu terbaik untuk menjual emas adalah apabila telah mencapai matlamat simpanan emas. Tidak semua kedai emas memberi jaminan belian semula emas yang dijual. Hanya syarikat-syarikat yang besar dan kukuh memberikan jaminan belian semula emas mereka walau dalam apa jua keadaan. (Mohd Zulkifli Shafie, 2021).

“Spread” iaitu perbezaan antara harga jual dan harga belian juga perlu diambil kira sebelum membuat belian emas kerana ramai yang tersalah langkah dan mengalami kerugian dalam membuat simpanan emas (Syukor Hashim, 2008). Emas perhiasan (22 karat) atau lebih dikenali dengan emas 916 biasanya mempunyai “spread” yang lebih tinggi sekitar 25%-40% berbanding emas pelaburan (24 karat), emas 999 kerana emas 916 dibuat daripada campuran logam selain emas untuk menjadikan ianya keras dan tidak mudah kemek. Sebaliknya emas 999 adalah emas tulen yang senang kemek kerana kadar campuran logamnya 1% sangat sedikit. Ini adalah antara sebab kenapa barang kemas kurang sesuai untuk dijadikan pelaburan dan kadar keuntungan barang kemas juga agak lambat berbanding emas 999.

Penutup

Kekuatan emas adalah ianya boleh dijual atau digadaikan ketika terdesak untuk memakai wang. Terdapat peniaga yang menjadikan emas sebagai

sumber modal untuk memulakan perniagaan. Kecairan emas adalah pantas dan perlu pandai memilih kedai bagi meraih keuntungan maksimum, serta ianya tidak memerlukan bayaran kepada pihak tengah untuk urusan jual beli.

Rujukan

[1] Mohd Zulkifli Shafie (2021). Wang Emas Bertahan Ketika Gawat.

[2] Syukor Hashim (2008). Menyingkap Rahsia Pelaburan Emas.

[3] Marlia Ramli (2022). Nak kaya seribu daya.

